



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

## **DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA (SEBUT HARGA 'B')**

**TAJUK : SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,  
MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI  
(DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM  
KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI  
PUSAT BIODIVERSITI DAN GENTIAN  
(FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA  
PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**NO. SEBUT HARGA : MTIB/SH(B)/012/2020**

**TARIKH IKLAN : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**LAWATAN TAPAK : 11 OGOS 2020 (SELASA), JAM 10.30 PAGI**

**TARIKH/  
MASA DITUTUP : 19 OGOS 2020 (RABU)/  
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**KATEGORI : BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

**KOD BIDANG : 210105 ATAU 210202 ATAU 220402**

**KEMENTERIAN  
KEWANGAN**

**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

4 - 5

**SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

1. PERIHAL SEBUT HARGA	6
2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA	6
3. KANDUNGAN SEBUT HARGA	6
4. PENYERAHAN SEBUT HARGA	7
5. FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	8
6. PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA	9

**SEKSYEN B – SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

1. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA	10
2. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU	10
3. PEMERIKSAAN	10
4. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI	11
5. DENDA	11
6. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	11
7. TEMPOH PERKHIDMATAN	12
8. PENGIKLANAN	12
9. TAFSIRAN	12
10. INSURANS	12
11. HARGA TAWARAN	12
12. BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA	12
13. BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA	13
14. HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA	13
15. SURAT SETUJU TERIMA (LOA)	13
16. KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN	14
17. BON PELAKSANAAN	14
18. PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN	14
19. PENAMATAN PERKHIDMATAN	15

20.	PEMBATALAN SEBUT HARGA	15
21.	KOS SEBUT HARGA	15
22.	PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	15
23.	TARIKH TUTUP	16

#### **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A</b>	: SKOP KERJA PENYEBUT HARGA	18
<b>LAMPIRAN 1</b>	: SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN	19 - 21
<b>LAMPIRAN Q</b>	: ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	22 - 23
<b>LAMPIRAN 2</b>	: SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN BERKAITAN	24
<b>LAMPIRAN 3</b>	: JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI	25 - 32
<b>LAMPIRAN 4</b>	: SENARAI AHLI PASUKAN PROJEK	33
<b>LAMPIRAN 5</b>	: JADUAL PELAKSANAAN PERKHIDMATAN/ <i>GANTT-CHART</i>	34
<b>LAMPIRAN 6</b>	: KATALOG ATAU RISALAH	35
<b>LAMPIRAN 7</b>	: SURAT SOKONGAN PENGELUAR/ PRINSIPAL	36
<b>LAMPIRAN 8</b>	: JADUAL HARGA TAWARAN	37 - 38
<b>LAMPIRAN 9</b>	: SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	39
<b>LAMPIRAN 10</b>	: KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	40 - 46
<b>LAMPIRAN 11</b>	: SURAT AKUAN SEBUT HARGA	47 - 48
<b>LAMPIRAN 12</b>	: RINGKASAN EKSEKUTIF DAN PROFIL SYARIKAT	49
<b>LAMPIRAN 13</b>	: SURAT PENGESAHAN BANK/ INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT DARIPADA BANK/ INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBERI	50
<b>LAMPIRAN 14</b>	: SURAT AKUAN PEMBIDA	51
<b>LAMPIRAN 15</b>	: SURAT PERWAKILAN KUASA	52



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BIODIVERSITI DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/012/2020)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** yang masih sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga di bawah kod bidang seperti berikut:

Bil.	Kod Bidang	Jenis Bekalan/ Perkhidmatan
1.	210105	<i>Teknologi Maklumat dan Komunikasi – Telecommunication/ networking-supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/ Internet/ wireless/ satellite); ATAU</i>
2.	210202	<i>Teknologi Maklumat dan Komunikasi – Sistem Perhubungan/ Telekomunikasi; ATAU</i>
3.	220402	<i>Perkhidmatan – Penyelenggaraan/ Pembaikan Alat Keselamatan, Peralatan Kawalan Keselamatan.</i>

2. **LAWATAN TAPAK**

- 2.1 Syarikat juga boleh membuat lawatan tapak ke lokasi perkhidmatan seperti ketentuan berikut:

Tarikh	:	<b>11 Ogos 2020 (Selasa)</b>
Masa	:	<b>10.30 Pagi</b>
Tempat	:	1. <b>PUSAT BIODIVERSITI DAN GENTIAN (FIDEC 1 &amp; 2)</b> Lot 152, Jalan 4, Kompleks Perabot Olak Lempit, 42700 BANTING, SELANGOR. 2. <b>PUSAT BIODIVERSITI DAN GENTIAN (FIDEC 3)</b> Lot 115, Jalan 6, Kompleks Perabot Olak Lempit, 42700 BANTING, SELANGOR.
Pegawai untuk dihubungi	:	<b>Encik Muhammad Rauf Bin Badrus Sham</b> No. Tel.: 03-3149 1502/ 1509
Nota	:	<b>LAWATAN TAPAK TIDAK DIWAJIBKAN</b>

- 2.2 Hanya **dua (2) orang** wakil syarikat sahaja dibenarkan untuk menghadiri lawatan tapak tersebut. Wakil syarikat tersebut **MESTILAH penama dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MoF)** dan pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan salinan sijil pendaftaran MoF (tidak dikembalikan) semasa sesi pendaftaran lawatan tapak bagi tujuan pengesahan kehadiran.
- 2.3 Wakil syarikat yang menghadiri lawatan tapak **MESTILAH** mematuhi segala **Standard Operating Procedure (SOP)** yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan FIDEC dan **pemakaian pelitup muka (facemask)** adalah **diwajibkan** bagi mencegah penularan wabak COVID-19. Kegagalan syarikat dalam mematuhi SOP tersebut akan menyebabkan syarikat tidak dibenarkan untuk membuat lawatan tapak.
3. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun bermula pada **06 Ogos 2020 (Khamis)** hingga **19 Ogos 2020 (Rabu)** menerusi Portal Korporat MTIB di [www.mtib.gov.my](http://www.mtib.gov.my). Tarikh tutup sebut harga adalah pada **19 Ogos 2020 (Rabu)**.
4. Dokumen tawaran sebut harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 16, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada **19 Ogos 2020 (Rabu)**. Sebut harga yang lewat **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan. Sebut harga yang dikemukakan menjadi hak milik MTIB sepenuhnya dan tidak akan dikembalikan.
6. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Portal Korporat MTIB. Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga**. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Portal Korporat MTIB adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga ini.

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BIOKOMPOSIT DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/012/2020)**

**SEKSYEN A**  
**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

**1.0 PERIHAL SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa dari penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) bagi **SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BIOKOMPOSIT DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**.
- 1.2 Penyebut harga yang dijemput adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang terkandung di dalam dokumen ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebut harga yang tidak mengikut Arahan-arahan dan Syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

**2.0 CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA**

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membaca Arahan-arahan dan Syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang dan lampiran-lampiran sebut harga.
- 2.2 Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan dan lampiran-lampiran yang disediakan.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas atau dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

**3.0 KANDUNGAN SEBUT HARGA**

- 3.1 Sebut harga **hendaklah** dikemukakan dengan menggunakan **lampiran atau dokumen** yang telah ditetapkan mengikut senarai semak seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Sebut harga dikemukakan tidak mengikut lampiran atau dokumen yang telah ditetapkan seperti di **Perenggan 3.1 tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun, penyebut harga-penyebut harga boleh mengemukakan dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.

- 3.3 Penyebut harga perlu mengepilkkan dokumen-dokumen di **perenggan 3.1** berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di setiap lampiran dalam sebut harga ini.

#### 4.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 4.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengemukakan dokumen tawaran sebut harga dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (*sealed*)** yang mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** seperti yang ditetapkan di **Senarai Semak Dokumen Tawaran (Lampiran 1)**.

- 4.2 **Sampul surat** seperti di **Para 4.1, HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** iaitu:

4.2.1 **SATU (1) set Dokumen Asal** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“ASAL”**.

4.2.2 **SATU (1) set Dokumen Salinan** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“SALINAN”**. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau keraguan di mana-mana dokumen salinan, salinan asal yang dikemukakan akan diguna pakai sebagai dokumen yang sah.

**PERINGATAN: DOKUMEN SALINAN PERLU MEMPUNYAI KESEMUA DOKUMEN YANG SAMA DENGAN DOKUMEN ASAL.**

- 4.3 **Sampul surat** di **Para 4.1 HENDAKLAH** dilabel seperti berikut:

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BOKOMPOSIT DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/012/2020)**

**TARIKH TUTUP:**

**19 OGOS 2020 (RABU), JAM 12.00 TENGAH HARI**

- 4.4 **Sampul Surat** yang mengandungi **Tawaran Sebut harga** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan sebelum tarikh tutup sebut harga di alamat berikut:

**Ketua Pengarah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)  
Tingkat 16, Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 KUALA LUMPUR.  
(u.p.: Unit Pengurusan Perolehan)**

- 4.5 Dokumen sebut harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan **pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga**. Jika dokumen sebut harga tidak dihantar sendiri, penyebut harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya dokumen sebut harga dan lain-lain dokumen yang berkaitan dihantar secara pos sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4.6 MTIB tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**

## 5.0 FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

- 5.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengisi dengan lengkap dan mengemukakan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di bawah sebagai sebahagian tawaran sebut harga iaitu:

1.	<b>Lampiran 1</b>	:	Senarai Semak Dokumen Tawaran.
2.	<b>Lampiran 2</b>	:	Salinan Sijil-sijil Pendaftaran Yang Berkaitan iaitu: (i) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan iaitu dalam kod bidang <b>210105 ATAU 210202 ATAU 220402 yang masih laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan bermula tarikh tutup sebut harga;</b> (ii) Salinan Sijil “ <b>Taraf Bumiputera</b> ” dengan Kementerian Kewangan, jika ada; (iii) Salinan Sijil <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> , atau <b>Borang D</b> atau <b>Borang E</b> atau <b>Lesen Perniagaan yang berkaitan</b> berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat; Bagi syarikat <b>Berhad</b> dan <b>Sendirian Berhad</b> , Penyebut harga dikehendaki memajukan <b>Borang 8 (Berhad)</b> atau <b>Borang 9 (Sendirian Berhad)</b> , <b>Borang 24 dan Borang 49</b> atau <b>Carian SSM e-info;</b> (iv) Salinan <b>Borang 13 SSM</b> atau <b>Carian SSM e-info</b> sekiranya syarikat bertukar nama; dan (v) Salinan Sijil Pendaftaran <b>Cukai Jualan &amp; Cukai Perkhidmatan (CJCP)</b> dengan <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)</b> jika ada.
3.	<b>Lampiran 3</b>	:	Jadual Pematuhan Spesifikasi.
4.	<b>Lampiran 4</b>	:	Senarai Ahli Pasukan Projek.
5.	<b>Lampiran 5</b>	:	Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan/ <i>Gantt-Chart</i> .
6.	<b>Lampiran 6</b>	:	Katalog atau Risalah.



7.	<b>Lampiran 7</b>	:	Surat Sokongan Pengeluar/ Prinsipal.
8.	<b>Lampiran 8</b>	:	Jadual Harga Tawaran.
9.	<b>Lampiran 9</b>	:	Keterangan Mengenai Penyebut Harga.
10.	<b>Lampiran 10</b>	:	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir atau <b>April 2020, Mei 2020 dan Jun 2020 serta hendaklah <u>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK.</u></b>
11.	<b>Lampiran 11</b>	:	Surat Akuan Sebut Harga.
12.	<b>Lampiran 12</b>	:	Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.
13.	<b>Lampiran 13</b>	:	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi.
14.	<b>Lampiran 14</b>	:	Surat Akuan Pembida.
	<b>Lampiran 15</b>	:	Surat Perwakilan Kuasa.

## 6.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA

6.1 Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini boleh dibuat secara bertulis, e-mel atau faks dan dihantar sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat berikut:

**Unit Pengurusan Perolehan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)  
Tingkat 16, Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras  
56100 KUALA LUMPUR.**

**No. Tel. : 03-9282 2235 sambungan 1235**

**No. Faks. : 03-9286 1553**

**E-mel : [fakhrin@mtib.gov.my](mailto:fakhrin@mtib.gov.my)**

6.2 Sekiranya penyebut harga memerlukan penjelasan lanjut berkaitan **skop kerja dan spesifikasi sebut harga** penyebut harga boleh berhubung terus dengan pegawai berkenaan melalui:

**No. Tel. : 03-3149 1502/ 1509**

**No. Faks. : 03-3149 1607**

**E-mel : [rauf@mtib.gov.my](mailto:rauf@mtib.gov.my) atau [fidec@mtib.gov.my](mailto:fidec@mtib.gov.my)**

**Pegawai : Encik Muhammad Rauf Bin Badrus Sham**

**SEKSYEN B**  
**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat am ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

**1.0 KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MoF)** di bawah kod **210105 ATAU 210202 ATAU 220402** serta pendaftaran tersebut perlu sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga.
- 1.2 Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.
- 1.3 MTIB berhak melantik dan membatalkan kontrak syarikat sekiranya perkhidmatan pembekal tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/ tawaran yang dipersetujui.

**2.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga serta merupakan harga bersih (termasuk semua diskaun dan kos tambahan) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan dalam dokumen ini.
- 2.2 Harga yang disebutkan dalam sebut harga sah laku dalam tempoh **tidak kurang dari 90 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

**3.0 PEMERIKSAAN**

- 3.1 MTIB sentiasa berhak melantik seseorang pegawai yang memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.
- 3.2 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan pembekalan tersebut telah siap dan diperiksa oleh pegawai MTIB yang dilantik atau diberi kuasa.
- 3.3 Pegawai MTIB yang dilantik tersebut berhak membuat penolakan ke atas bekalan/ perkhidmatan yang tidak menepati keperluan sepertimana spesifikasi bekalan/ perkhidmatan dalam dokumen sebut harga. Penyebut harga juga hendaklah menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

#### 4.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan sebut harga ini.

#### 5.0 DENDA

5.1 Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MTIB, penyebut harga dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MTIB. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MTIB berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan **denda** seperti ketetapan berikut:

5.1.1 **Kontraktor gagal melaksanakan pembekalan dan perkhidmatan yang tidak menepati objektif dan tempoh masa** akan dikenakan **potongan bil menurut kadar 10%** daripada jumlah harga bekalan dan perkhidmatan yang diberikan.

5.1.2 **Kontraktor yang menghantar bekalan tiruan** hendaklah **menanggung atau menggantikan segala kerugian** akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

5.1.3 **Kontraktor gagal menghantar bekalan dan perkhidmatan** berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan MTIB akan dikenakan **denda** mengikut formula berikut:

$$\frac{V(T + D) \times 5\%}{T}$$

V: Nilai harga bekalan/ perkhidmatan yang lewat diberikan;

T: Tempoh bekalan/ perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

5.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, MTIB boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

#### 6.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

MTIB tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan MTIB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berhubung sebab-sebab penyebut harga tidak berjaya.

## **7.0 TEMPOH PERKHIDMATAN**

Tempoh **maksimum** perkhidmatan adalah selama **tiga (3) bulan**.

## **8.0 PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MTIB terlebih dahulu.

## **9.0 TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **10.0 INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **11.0 HARGA TAWARAN**

11.1 Harga tawaran **oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan dan Cukai Perkhidmatan secara berasingan.**

11.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaaan Cukai Perkhidmatan.

## **12.0 BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12.1 Cukai**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **12.2 Pembungkusan**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### 12.3 Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

## 13.0 BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA

### 13.1 Cukai

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### 13.2 Mata Wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

### 13.3 Pembungkusan

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## 14.0 HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA

- 14.1 MTIB tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
- 14.2 MTIB juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.
- 14.3 Keputusan MTIB adalah muktamad dan MTIB tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebut harga.

## 15.0 SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

- 15.1 MTIB akan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (LOA).
- 15.2 Dengan perakuan ke atas Surat Setuju Terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara MTIB dan penyebut harga yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

## 16.0 KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN

- 16.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen sebut harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 16.2 Surat Setuju Terima (LOA) yang dihantar oleh MTIB kepada penyebut harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima itu dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara MTIB dan penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.
- 16.3 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MTIB.

## 17.0 BON PELAKSANAAN

- 17.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah:  
  
Nilai lebih dari **RM200,000.00** sehingga **RM500,000.00**, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak **2.5%** ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai **lebih RM500,000.00**, Bon Pelaksanaan sebanyak **5%** dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.
- 17.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan contoh format akan ditetapkan oleh MTIB.
- 17.3 Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada penyebut harga selepas **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat MTIB berpuas hati bahawa syarat-syarat kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan peralatan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.
- 17.4 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan MTIB dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.

## 18.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan serta mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa pelaksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

## **19.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya MTIB boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi terma/ syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

## **20.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA**

20.1 Pihak MTIB berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga sendiri.

20.2 Sekiranya MTIB bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka MTIB boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut Harga kepada semua penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

## **21.0 KOS SEBUT HARGA**

21.1 Penyebut harga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. MTIB tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

21.2 MTIB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat oleh penyebut harga sekiranya sebut harga ini dibatalkan.

## **22.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah kepada syarikat/ kontraktor/ firma perunding/ penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan seperti berikut:

22.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

22.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 22.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 22.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

## **23.0 TARIKH TUTUP**

- 23.1 Tarikh tutup sebut harga adalah pada **19 Ogos 2020 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. **Sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.**
- 23.2 Semua maklumat hendaklah sebaik-baiknya ditaip/ ditulis dengan jelas. **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA BORANG SEBUT HARGA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, TIDAK DISERTAKAN SALINAN SIJIL/ DOKUMEN WAJIB ATAU TIDAK DITANDATANGANI AKAN DITOLAK.**



# LAMPIRAN-LAMPIRAN

**SKOP KERJA PENYEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BIKOMPOSIT DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/012/2020)**

1. Penyebut harga hendaklah melaksanakan kerja-kerja Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji (Dalam Tempoh Jaminan) Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Pusat Biokomposit dan Gentian (FIDEC 1, 2, dan 3) untuk Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Butiran pembekalan seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI (UNIT)</b>
1.	Kamera CCTV	32
2.	<i>Network Video Recorder (Nvr)</i>	2
3.	<i>Network Video Recorder (NVR) For Slave Monitoring</i>	2
4.	<i>Hard Disk Drive (HDD)</i>	4
5.	<i>Monitor LCD</i>	2
6.	<i>Monitor LED</i>	2
7.	<i>Outdoor Transmitter</i>	4
8.	<i>Power Over Ethernet (PoE)</i>	5
9.	<i>Wall Mount Rack</i>	5
10.	<i>Wiring, CAT6 With PVC Piping</i>	2

2. Menaik taraf sistem kamera litar tertutup (CCTV) di bangunan FIDEC 1, 2, dan 3.
3. Memastikan tahap keselamatan aset kerajaan terjamin dan terkawal.
4. Memantau dan merekod aktiviti/ kejadian yang berlaku di premis FIDEC.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN**

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PUSAT BOKOMPOSIT DAN GENTIAN (FIDEC 1, 2, DAN 3) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/012/2020)**

**NO. SEBUT HARGA : MTIB/SH(B)/012/2020**  
**TARIKH IKLAN : 06 Ogos 2020 (Khamis)**  
**TARIKH TUTUP : 19 Ogos 2020 (Rabu)**

Sila Tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	PEMATUHAN DOKUMEN	Lampiran	Untuk Ditanda Oleh:	
				Penyebut Harga	J/Kuasa Penilaian
1.	Senarai Semak Dokumen Tawaran.	Dokumen wajib disertakan	1		
2.	Arahan Perbendaharaan 170 (Lampiran Q)	Dokumen wajib disertakan	Q		
3.	(i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan yang masih sah dan <b>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga dalam kod bidang 210105 ATAU 210202 ATAU 220402.</b>	Dokumen wajib disertakan	2		
	(ii) Salinan Sijil "Taraf Bumiputera" dari Kementerian Kewangan.	Jika ada			
	(iii) Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau <b>Borang D</b> atau <b>Borang E</b> atau Lesen Perniagaan Berkaitan berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat.  Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, penyebut harga dikehendaki memajukan <b>Borang 8 (Berhad)</b> atau <b>Borang 9 (Sendirian Berhad)</b> , <b>Borang 24</b> dan <b>Borang 49 SSM</b> atau <b>Carian SSM e-info.</b>	Dokumen wajib disertakan			
	(iv) Salinan <b>Borang 13 SSM</b> atau Carian SSM e-info sekiranya syarikat bertukar nama.	Dokumen wajib disertakan jika berkaitan			

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	PEMATUHAN DOKUMEN	Lampiran	Untuk Ditanda Oleh:	
				Penyebut Harga	J/Kuasa Penilaian
	(v) Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP) dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).	Jika ada			
4.	Jadual Pematuhan Spesifikasi	Dokumen wajib disertakan	3		
5.	Senarai Ahli Pasukan Projek	Dokumen wajib disertakan	4		
6.	Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan/ <i>Gantt-Chart</i> .	Dokumen wajib disertakan	5		
7.	Katalog atau Risalah.	Dokumen wajib disertakan	6		
8.	Surat Sokongan Pengeluar/ Prinsipal.	Jika ada	7		
9.	Jadual Harga Tawaran	Dokumen wajib disertakan	8		
10.	Keterangan Mengenai Penyebut Harga.	Dokumen wajib disertakan	9		
11.	Penyata Bank bagi <b>tiga (3) bulan terakhir</b> atau <b>APRIL 2020, MEI 2020 DAN JUN 2020</b> serta <b>hendaklah <u>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK.</u></b>	Dokumen wajib disertakan	10		
12.	Surat Akuan Sebut Harga.	Dokumen wajib disertakan	11		
13.	Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.	Dokumen wajib disertakan	12		
14.	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi.	Jika ada	13		
15.	Surat Akuan Pembida.	Dokumen wajib disertakan	14		
16.	Surat Perwakilan Kuasa.	Jika berkaitan	15		

**Peringatan:** Sampul hendaklah berlakri dan dimasukkan dalam peti sebut harga sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga.

**PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

.....  
(Tandatangan)

Nama :

No. K.P:

Tarikh :

Cop Syarikat:

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:

**No. Sebut Harga: MTIB/SH(B)/012/2020**

**KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada: (Nama Syarikat).....

.....

.....

No. Telefon : .....

No. Faksimile : .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan : .....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan sebut harga ini:

**210105 ATAU 210202 ATAU 220402**

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) (Alamat Lengkap)

**Ketua Pengarah,  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB),  
No. 13 – 17, Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.**

No. Telefon : **03-9282 2235**

No. Faks. : **03-9200 3769/ 9283 9792**

Tarikh : **06 Ogos 2020 (Khamis)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/ perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/ penyempurnaan: **[sila rujuk Dokumen Tawaran Sebut Harga]**

1.2 Tarikh penyerahan/ penyempurnaan dikehendaki: .....**(diisi oleh penyebut harga).**

1.3 Arah pengiriman: **Tiada.**

